

**TEKS UCAPAN
YANG DIPERTUA MPSP
SAMBUTAN PERAYAAN HARI MAJLIS YANG KE-39 / 2013
6 JULAI 2013 (SABTU)
AUDITORIUM, IBU PEJABAT MPSP**

Terima Kasih Saudara Pengacara Majlis

Yang Berhormat Tuan Haji Mohd Rashid bin Hasnon
Timbalan Ketua Menteri 1

Yang Berhormat Tuan Prof Dr P. Ramasamy a/l Palanisamy
Timbalan Ketua Menteri 2

Yang Berhormat Tuan Chow Kon Yeow
Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang
Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir

Yang Berhormat Ahli-ahli EXCO Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang

Yang Dihormati Ahli Majlis
Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Tuan Sr Hj Rozali bin Hj Mohamud
Setiausaha Perbandaran, Majlis Perbandaran Seberang Perai

Ketua-Ketua Jabatan

Wakil-wakil JKKK, Persatuan Penduduk, Kawasan Rukun Tetangga

Rakan-rakan Media

Tuan-tuan dan Puan-puan hadirin sekalian

Assalamualaikum wbth, salam sejahtera dan selamat pagi.

Alhamdulillah, bersyukur kita kehadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah kurniaNya dapat kita bersama-sama berhimpun pada hari ini untuk meraikan Hari Majlis ke-39 / 2013. Terlebih dahulu saya bagi pihak Majlis Perbandaran Seberang Perai ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua yang hadir pada pagi ini.

Yang Berhormat, Tuan-tuan dan Puan-puan,

1. Ucapan Terima Kasih

Sempena dengan bulan sambutan Hari Majlis, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kerajaan Negeri di bawah kepimpinan Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, Yang Berhormat Tuan Chow Kon Yeow yang sebagai

Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan ,Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, para barisan Exco Kerajaan Negeri Pulau Pinang, dan semua Ahli Majlis MPSP, Tuan Setiausaha Perbandaran, Ketua Jabatan serta kakitangan MPSP yang memberi sokongan dan kerjasama ke atas segala usaha yang diberikan dalam meningkatkan mutu perkhidmatan MPSP.

2. Peningkatan Perkhidmatan MPSP

MPSP sedang giat untuk meningkatkan lagi mutu perkhidmatan terutama dari segi memenuhi kehendak pelanggan. Untuk mencapai matlamat tersebut pelbagai kaedah sedang dirancang dan telah dibuat seperti mengadakan Jendela Pelanggan pada setiap hari Jumaat minggu pertama, klinik tunggakan cukai pada setiap hari Jumaat minggu terakhir membincangkan kaedah penyelesaian dengan para pembayar cukai yang mempunyai kekangan dalam membuat pembayaran. Selain itu, program - program luaran seperti senamrobik dan pameran digunakan sebagai satu saluran untuk membolehkan orang ramai memberi komen dan cadangan bagi menambahbaik perkhidmatan

3. Pelancaran *Seberang Perai Tourist Map* dan Pertandingan Fotografik Seberang Perai

Sempena sambutan Hari Majlis Ke-39 / 2013 ini, MPSP akan melancarkan *Tourist Map Seberang Perai*. *Tourist Map* ini merupakan langkah pertama Majlis untuk memperkenalkan kawasan-kawasan yang berpotensi untuk dibangunkan menjadikan tempat pelancongan di Seberang Perai.

Ini kerana industri pelancongan mempunyai banyak potensi untuk mempercepatkan pembangunan di sesebuah tempat. Jika industri pelancongan maju, PBT juga akan dapat mengutip cukai yang bertambah yang akan digunakan untuk menyediakan kemudahan-kemudahan bagi semua rakyat. Jelaslah bahawa semua orang akan mendapat nikmat daripada industri pelancongan. Seiring dengan pelancaran *Tourist Map Seberang Perai*, MPSP telah berkerjasama dengan *George Town Festival* dan *Allspire Photography* mengadakan Pertandingan Fotografik dengan tema *Discover the Beauty of Seberang Perai*. Hadiah-hadiah kepada pemenang yang akan disampaikan oleh Y.A.B Ketua Menteri Pulau Pinang, Tuan Lim Guan Eng sebentar nanti.

4. Sesi Dialog Bajet 2014 MPSP

Selain daripada pelancaran *Tourist Map Seberang Perai*, Dialog Bajet 2014 MPSP yang akan diadakan sebentar nanti merupakan program dibuat oleh MPSP untuk bersama-sama dengan wakil komuniti serta penduduk Seberang Perai dalam merangka bajet untuk tahun 2014. Secara

umumnya, pada tahun 2012, MPSP memperolehi pendapatan sebanyak RM 178,571,221.00, perbelanjaan adalah sebanyak RM 174,424,152 dan mendapat lebihan sebanyak RM 4,147,069.00. Manakala bagi tahun 2013 ini, anggaran perbelanjaan adalah sebanyak RM 211,283,844.00 dan pendapatan yang dianggarkan dapat adalah sebanyak RM 200,935,630.00. Desifit sebanyak RM 10,348,214.00.

Untuk makluman, MPSP mempunyai satu peruntukan yang terhad dan peruntukan ini perlu diselaraskan agar dapat memberi manfaat kepada semua komuniti dan *stakeholders*.

Terdapat beberapa isu semasa dalam pengurusan bajet MPSP. Antaranya ialah kewangan terhad berbanding keperluan dan permintaan penduduk. Penduduk ingin tahu bagaimana MPSP membelanjakan hasilnya, penduduk juga ingin tahu perhubungan antara cukai yang dibayar dengan perkhidmatan yang telah diberikan. Selain itu, bagaimanakah prestasi kewangan MPSP sekarang ini dan siapakah pihak yang mendapat manfaat dari perancangan MPSP. Bajet ini juga akan mengambil kira keperluan gender.

Objektif utama program ini adalah untuk menggalakkan penyertaan komuniti dalam tadbir urus MPSP. Selain itu, ia juga bertujuan untuk

mendapatkan input, pandangan dan cadangan dalam merangka bajet 2014. Di samping itu, program ini juga dapat mengenalpasti pendekatan-pendekatan baru dalam melaksanakan perkhidmatan terbaik dengan menggunakan sumber-sumber yang terhad kepada penduduk Seberang Perai. Objektif program ini juga untuk menentukan peranan komuniti dalam meningkatkan perkhidmatan MPSP kepada penduduk Seberang Perai.

Dialog Bajet 2014 MPSP merupakan platform untuk berinteraksi secara langsung dengan penduduk. Antaranya menerusi dialog ini, MPSP akan mendapat pandangan sekaligus dapat menjalin kerjasama dengan penduduk. Dengan adanya program ini, MPSP dapat bekerjasama dengan penduduk setempat dalam menangani isu-isu perbandaran seperti penjaja, kebersihan, perumahan, pencemaran alam sekitar dan pertumbuhan kilang-kilang haram dengan lebih berkesan.

Yang Berhormat, Tuan-tuan & Puan-puan sekalian,

5. Sambutan Hari Keluarga MPSP

Sempena dengan sambutan Hari Majlis pada tahun ini, Majlis juga mengadakan Hari Keluarga. Pelbagai aktiviti sukaneka bersifat informal yang melibatkan semua peringkat kakitangan MPSP dijalankan dan sesungguhnya ia mampu memberikan impak positif berbentuk kerjasama dalam Majlis serta mampu mencetuskan perasaan kasih sayang dan

semangat kekeluargaan yang lebih tinggi kepada kakitangan MPSP. Saya percaya bahawa hubungan akrab yang terjalin erat di antara semua anggota dan suasana harmoni yang wujud ini akan memudahkan kakitangan MPSP berkerjasama dalam tugas sehari-hari mereka.

6. Anugerah Kualiti

Selain itu, sempena dengan sambutan Hari Majlis yang ke -39 /2013, MPSP telah menjalankan program seperti Anugerah Kualiti. Budaya kualiti perlu diterapkan di kalangan semua kakitangan MPSP termasuklah pelaksanaan iaitu Amalan Persekutaran Berkualiti (QE). Ini kerana keadaan persekitaran kerja yang selesa dan teratur akan memudahkan pengesahan maklumat dan fail yang akan mempercepatkan proses kerja setiap kakitangan. Pelaksanaan Amalan QE ini berkesan dan dapat meningkatkan kualiti perkhidmatan, menjimatkan kos dan memudahkan proses kerja. MPSP mengadakan pertandingan Zon Terbaik amalan QE bagi menobatkan jabatan yang didapati mempunyai amalan QE yang cemerlang.

7. Anugerah Pekerja Contoh

Anugerah Pekerja Contoh juga akan diberikan kepada kakitangan MPSP yang dinilai berdasarkan kriteria-kriteria yang ditetapkan dari 1 Januari 2013

sehingga 30 Jun 2013: Kriterianya adalah:

- (i) Tiada rekod datang lewat

- (ii) Cuti sakit tidak melebihi enam (6) hari
- (iii) Tidak pernah ponteng kerja
- (iv) Bersedia kerja lebih masa
- (v) Tiada aduan daripada orang awam / penyelia
- (vi) Liability
- (vii) Inisiatif/ memerlukan sedikit kepimpinan
- (viii) Kualiti kepimpinan
- (ix) Kerja berpasukan

Seramai 17 kakitangan yang telah diberi penganugerah pekerja contoh pada tahun ini. Moga-moga kesemua penerima anugerah ini akan meneruskan kesungguhan mereka dalam tugas sehari-hari dan menjadi contoh kepada yang lain.

8. Pertandingan Sukan Antara Jabatan Dalaman dan Agensi Luar

Disamping itu, tiga acara sukan turut dipertandingan bermula dari 16 Jun yang lalu sehingga 30 Jun yang lalu. Acara sukan ini bukan sahaja dipertandingan di antara jabatan MPSP tetapi juga melibatkan agensi luar. Jalinan hubungan melalui pelbagai aktiviti akan dapat menghasilkan kemesraan dan persefahaman antara agensi luar dan jabatan MPSP serta menjalinkan perasaan muhibbah dan perpaduan. Daripada hubungan yang kukuh ini, diharap akan dapat menggembelengkan tenaga kerja antara

agensi dan jabatan MPSP supaya lebih mudah untuk mencapai sesuatu tujuan dengan lebih berkesan.

Yang Berhormat, Tuan-tuan & Puan-puan sekalian,

**9. Sijil Penghargaan kepada Pembayar cukai / Projek CSR
Landscape /Orang Perseorangan / Agensi Swasta / NGO**

Seperti yang anda semua ketahui, pendapatan utama sesebuah Pihak Berkuasa Tempatan adalah daripada bayaran cukai taksiran. Keadaan ini juga sama untuk MPSP. Cukai taksiran merupakan pendapatan utama kepada kami. Oleh itu, untuk berterima kasih kepada para pembayar cukai ini, Majlis akan memberikan sijil penghargaan kepada 5 pembayar cukai berdasarkan kriteria ; rekod pembayaran terbaik dan nilai bayaran cukai yang tertinggi. Disamping itu, MPSP juga menghargai usaha-usaha yang dijalankan oleh syarikat-syarikat korporat dalam membangun dan mengindahkan kawasan-kawasan di Seberang Perai melalui Projek CSR Landscape.

MPSP menjalankan banyak program-program *Local Action 21 (LA 21)* dengan kerjasama dengan pelbagai peringkat dari orang perseorangan,

pertubuhan sehingga ke agensi korporat. Tanpa bantuan dan kerjasama daripada mereka, program-program ini tidak dapat berjalan dengan lancar.

Oleh itu, Majlis ingin mengambil kesempatan pada pagi ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang memberi sumbangan dan bekerjasama dengan MPSP dalam semua aktiviti-aktiviti yang dijalankan.

10. Anugerah Industri Hijau

Sempena dengan sambutan Hari Majlis pada pagi ini, hadiah-hadiah juga akan diberikan kepada industri dan orang perseorangan yang menyertai Anugerah Industri Hijau. Anugerah Industri Hijau ini merupakan anugerah yang diberi sebagai pengiktirafan kepada entiti perniagaan, industri dan individu yang telah menyumbang kepada usaha penghijauan, pemeliharaan dan kelestarian alam sekitar negeri Pulau Pinang. Seramai 11 penyertaan dalam pertandingan Anugerah Industri Hijau. Melalui penyertaan ini, MPSP berharap untuk memberi inspirasi dan menggalakkan entiti perniagaan, industri dan individu supaya lebih produktif menjamin kehijauan dan kelestarian alam sekitar dan menwujudkan kesedaran terhadap isu-isu penjagaan dan pengurusan kehijauan dan kelestarian alam sekitar dalam kalangan entiti perniagaan, industri dan individu.

11. Promosi Diskaun Kompaun Tanpa Lesen dan Kompaun Tempat

Letak Kereta

Pada hari ini, MPSP juga memberi diskau untuk semua Kompaun Tanpa Lesen yang belum didaftar di mahkamah. Jenis-jenis kesalahan yang akan diberi potongan adalah seperti berikut :

- i. Kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil Penjaja 1991
- ii. Kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil Iklan 2001
- iii. Kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil Bayaran Lesen 1981
- iv. Kesalahan Tidak Pamer Lesen di bawah Akta Kerajaan Tempatan

Kadar pengurangan kompaun untuk semua kesalahan di atas adalah RM50.00. Manakala kompaun Tempat Letak Kereta adalah sebanyak RM15.00 dikenakan untuk semua kompaun yang belum didaftar di mahkamah. Promosi ini hanya untuk hari ini sahaja. Oleh itu, tuan-tuan dan puan-puan boleh membuat bayaran kompaun di kaunter pada hari ini.

12. Pameran

Pameran-pameran juga diadakan pada hari ini dari MPSP, sekolah-sekolah yang mengambil bahagian dalam pertandingan Anugerah Sekolah Hijau, USM, Bajet Responsif Gender; Penang Women's Development Corporation, MMC Gamuda.

13. Program-program untuk Kakitangan

Untuk makluman pada 3 Julai yang lalu, Persatuan Pekerja (ANULAE) mengadakan seminar pemantapan diri kepada kakitangan MPSP. Objektif utama pelaksanaan seminar ini adalah untuk meningkatkan pemantapan jati diri di samping memupuk sifat integriti, telus dan ikhlas dalam melaksanakan tugas sebagai penjawat awam. Dan semalam, Forum Perdana Hal Ehwal Islam yang dianjurkan oleh Persatuan Kebajikan Pekerja-pekerja Islam MPSP (PERMAI) telah berlangsung. Tajuk yang disampaikan adalah “Ramadhan Membangun Sahsiah Ummah”. Forum ini diadakan sesuai pada masanya kerana bagi mereka yang menganut agama Islam bakal menyambut bulan Ramadhan pada hari Rabu akan datang. Disamping itu, nilai-nilai murni yang disampaikan juga membantu kakitangan MPSP dalam menjalankan tugas mereka.

14. Pensijilan OHSAS 18001:2007

MPSP telah mendapat pengesahan Pensijilan OHSAS 18001:2007 daripada NIOSH Certification Sdn. Bhd. pada 5 Julai 2013. Saya difahamkan MPSP merupakan Pihak Berkuasa Tempatan pertama di Semenanjung Malaysia yang mendapat Pensijilan OHSAS 18001:2007, manakala yang ke-2 di Malaysia. Skop pendaftaran OHSAS 18001:2007 adalah berkenaan penyelenggaraan pembersihan dan landskap meliputi:

- i) Kutipan sampah

ii) Pemotongan dan pemangkasan pokok

iii) Kerja-kerja meracun dan membaja

Tahniah kepada semua kakitangan yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Yang Berhormat, tuan-tuan & puan-puan,

Akhir kata, ingin saya menarik perhatian dan menyeru kepada semua kakitangan MPSP untuk sentiasa bekerja bersungguh-sungguh, cekap dan efisyen dalam merealisasikan halatuju strategik MPSP dan membawa MPSP ke tahap antarabangsa.

Sekian, Wabillah hitaufik wal hidayah, wassalamualaikum warahmatullah hiwabarakatuh.

Terima kasih.